


PETUGAS keselamatan mengawal keadaan di sekitar kawasan tanah runtuh.



KENDERAAN yang musnah ditimpa tanah runtuh.



FATHER'S ORGANIC FARM TERLETAK DI LEMBAH SUNGAI

'TAPAK KHEMAH DI SITU MEMANG TAK SESUAI'

Kuala Lumpur

Tanah yang tertepu dengan kelembapan akibat hujan berterusan sejak beberapa hari lalu dipercayai antara punca utama berlakunya insiden tanah runtuh berhampiran tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Goh-tong Jaya, Batang Kali.

Pakar Geologi Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo berkata, keadaan itu menyebabkan struktur tanah iaitu lapisan tanah yang

subur di bawah lapisan tanah yang di atas sekali menjadi lemah, sekali gus menyebabkan cerun di kawasan berkenaan tidak stabil.

"Apabila hujan berterusan, ruang-ruang tanah akan mula diisi dengan air menyebabkan struktur tanah ini menjadi lembab dan lemah.

"Keadaan diburukkan lagi dengan cuaca redup menyebabkan proses sejatan mengurangkan kandungan air pada tanah berkurangan yang mendorong berlaku-

nya kejadian gelongsoran tanah dengan membawa sejumlah besar tanah dari bahagian cerun," katanya.

Beliau juga berpendapat tapak perkhemahan itu tidak sesuai didirikan di situ memandangkan ia terletak berhampiran dengan kawasan lembah sungai iaitu hanya pada jarak lebih

kurang 30 meter selain berdekatan dengan kawasan cerun bu-

tan atau tambakan jalan.

Pensyarah di Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman turut bersetuju bahawa tapak perkhemahan di kawasan tanah tinggi semanganya berisiko mengalami tanah runtuh terutama semasa fasa Monsun

Timur Laut (MTL).

"Tanah runtuh adalah bencana kedua kerap berlaku selepas banjir di negara ini dan ia sering berlaku semasa musim Monsun Timur Laut. Setiap cerun yang berisiko berlaku tanah runtuh mempunyai tanda tertentu termasuk berlaku penyusutan tanah atau tanda rekahan.

"Mungkin kita kurang cakna apabila ada rekahan kecil dan tidak mengambil langkah-langkah yang sepatutnya sehingga berlaku ta-

nah runtuh, sedangkan ia merupakan tanda amaran awal," katanya.

Pakar Meteorologi Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah pula berkata Malaysia kini berada di fasa MTL yang membawa hujan berterusan hingga Mac 2023.

"Apabila hujan lebat berterusan, setiap cerun berisiko untuk berlaku pergerakan tanah dan kejadian tanah runtuh terutama di kawasan-kawasan yang 'diusik' dengan pembangunan," katanya.

Tanah runtuh adalah bencana kedua kerap berlaku selepas banjir